

Tinjauan Awal Terhadap Penglibatan Orang Melayu Dalam Industri Perlombongan Bijih Timah di Perak, 1874–1941

Preliminary Survey on the Involvement of the Malay in the Tin Mining Industry in Perak, 1874-1941

Syed Ahmad Fathi

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
Corresponding author: fathi137@gmail.com

Received: 5 July 2025; Accepted: 15 August 2025

Abstrak

Kajian ini merupakan tinjauan awal terhadap penglibatan orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah antara tahun 1874 hingga 1941. Tinjauan ini dilakukan bagi meneliti sejauh mana penglibatan orang Melayu dalam industri bijih timah di Perak telah dikaji. Kajian ini menggunakan kaedah penelitian arkib dan juga kaedah kepustakaan untuk mengenal pasti sama ada data-data berkaitan pelombong Melayu boleh diperoleh dan digunakan bagi melakukan kajian lanjut yang lebih terperinci. Sumber-sumber statistik dalam laporan juga dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif bagi menguatkan lagi dapatan kualitatif. Hasil kajian ini mendapati bahawa sumber-sumber sejarah boleh diperoleh walaupun dalam keadaan yang terhad bagi menjalankan kajian perihal penglibatan pelombong Melayu. Kajian ini mendapati bahawa perlombongan bijih timah sememangnya menjadi aktiviti tradisi orang Melayu, yang kemudian diusahakan oleh pembesar Melayu. Kemasukan pemodal Cina dan syarikat Eropah bermula dari 1870-an telah mengurangkan penglibatan orang Melayu dalam aktiviti perlombongan timah, namun daripada statistik yang diteliti, orang Melayu tetap terlibat walaupun dalam skala yang kecil. Penelitian ini juga mendapati kajian yang menyeluruh perihal penglibatan pelombong Melayu di Perak dari tahun 1874 hingga 1941 masih belum benar-benar diperincikan dalam kajian lepas.

Kata Kunci: pelombong Melayu, industri bijih timah, sejarah Perak

Abstract

This study aimed to survey the current research on the involvement of the Malay people in tin mining industry between 1874 until 1941. This survey was conducted to evaluate the extent of research done to understand the Malay involvement in the tin mining industry. This study used archival and literature analysis as a method to identify whether sufficient data can be found to conduct further detailed research. Some statistical data from archival records also were analysed using quantitative method to strengthen the qualitative findings. The study found that there are significant data in the archive to construct the research on the involvement of Malay miner in Perak. However, the data can be said to be limited and require further search beyond the archival records. The study found that tin mining had long been a Malay tradition before

the industry was monopolized by the Malay elites. The arrival of Chinese capitalists and European companies starting in the 1870s diminished Malay involvement in the mining industry. However, statistical analysis shows that Malays continued to work in the industry, albeit on a smaller scale. The study also confirmed that detailed research have not yet been done to understand the Malay involvement in the tin mining industry between 1874 until 1941.

Keywords: *Malay tin miner, tin mining industry, history of Perak*

Pengenalan

Tanah Melayu sememangnya terkenal dengan aktiviti perdagangan, ketika Melaka diasaskan sekitar tahun 1400, aktiviti perdagangan telah menjadi satu aktiviti yang kompleks dan menghubungkan Asia Tenggara dengan kawasan-kawasan luar seperti China dan Afrika. Perkembangan perdagangan ini adalah hasil daripada kekayaan sumber semula jadi yang wujud di rantau ini. Selain daripada sumber-sumber yang dikumpulkan dari hutan, Tanah Melayu juga kaya dengan sumber galian sehingga kawasan Tanah Melayu dan Sumatera digelar sebagai “Golden Khersonese” oleh ahli geografi Yunani (Andaya, 2001: 13).

Selain emas, antara bahan galian lain yang banyak ditemui di Tanah Melayu adalah timah. Tanah Melayu merupakan lokasi di mana terletaknya kawasan perlombongan bijih timah terbesar di dunia (Andaya, 2001: 13). Kekayaan hasil timah ini dapat dilihat daripada perkembangannya sebagai sebuah industri di Malaysia, ia kekal menjadi industri yang besar meskipun timah telah dilombong sejak 1,500 tahun. Permulaan eksport timah ke luar negara tidak dapat ditentukan permulaannya, namun terdapat penulisan yang menunjukkan ia mungkin sudah mula dieksport ke India pada abad ke-5 bagi menghasilkan logam seperti gangsa bagi tujuan pembuatan imej-imej keagamaan (Andaya, 2001: 13).

Perlombongan timah bukanlah satu aktiviti yang sukar, kerana timah di Tanah Melayu biasanya mengalir ke hilir sungai hasil daripada hakisan banjaran granit di kawasan pedalaman. Hakisan ini kemudian menjadi deposit di kuala sungai dan juga kawasan-kawasan dataran. Disebabkan perkara ini, perlombongan bijih timah tidak memerlukan satu mekanisma yang kompleks, ia dapat dilakukan menggunakan kaedah yang primitif. Ia dapat dilakukan oleh penduduk tempatan tanpa perlu meneroka hingga ke bahagian pedalaman, dan aktiviti ini dapat memberi mereka pendapatan tambahan selain daripada hasil pertanian.

Aktiviti mengekstrak bijih timah dari hilir sungai biasanya dilakukan oleh penduduk tempatan pada peringkat awal menggunakan kaedah mendulang. Iaitu dengan membasuh deposit sungai menggunakan dulang bagi mengasingkan bijih timah daripada tanah dan bahan-bahan lain. Kaedah ini dan teknik asas meleburkan timah ada dicatatkan oleh pengembara dari China yang melawat Melaka pada abad ke-15. Teknik ini berkemungkinan telah lama digunakan sebelum kehadiran teknik baharu seperti penggunaan “*shaft*” untuk melombong timah di dasar sungai seperti yang dicatat dalam sumber Belanda pada abad ke-17 dan 18 (Andaya, 2001: 11-14). Sebelum kedatangan British di Perak, sekitar tahun 1650, Belanda cuba menguasai perdagangan timah dengan membina stesen perdagangan di Sungai Perak, namun stesen ini telah diserang dan dimusnahkan oleh orang Melayu setahun kemudian (Wray, 1894: 5).

Pada separuh kedua abad ke-18, kawasan yang kaya dengan deposit bijih timah telah ditemui di Larut, Perak dan Selangor. Sejak itu, kawasan ini mula berubah dan menjadi pusat industri bagi aktiviti perlombongan bijih timah. Perkembangan industri ini juga menghasilkan pertelingkahan terutamanya dalam hal pemilikan tanah. Contohnya pertelingkahan antara Perak dan Kedah perihal pemilikan Sungai Kerian yang kaya dengan bijih timah. Pertelingkahan ini berterusan hingga ke pertengahan abad ke-19 di mana ia akhirnya menjadi milik Perak (Andaya, 2001: 93-94). Pada tahun 1777, pemerintah Perak dan Belanda telah

bekerjasama dalam membawa buruh-buruh Cina dari Melaka bagi mengusahakan lombong yang baru dibangunkan. Tidak lama selepas itu, pelombong-pelombong Cina ini telah memperkenalkan inovasi dalam teknik melombong dan meleburkan bijih timah dan memberikan mereka penguasaan terhadap industri ini (Andaya, 2001: 97). Antaranya adalah penggunaan pam berantai bagi memastikan kawasan lombong tidak dibanjiri air. Pada 1795, British berjaya mengambil alih penguasaan bijih timah di Perak dari Belanda di bawah usaha Leftenan Lord Camelford dan MacAlister (Wray, 1894: 5). James Low yang melawat kawasan di sekitar Sungai Perak mendapati bijih timah dilombong hampir sepanjang tahun oleh penduduk kampung dalam kalangan lelaki dan perempuan daripada semua peringkat umur (Wray, 1894: 6-8).

Sebelum tahun 1860-an, industri bijih timah dimonopoli oleh pembesar Melayu. Bijih timah dilombong di tanah-tanah milik mereka dan pembesar Melayu berkuasa menentukan harga jualannya. Antara pembesar yang berpengaruh adalah Datoh Panglima Kinta Muhammad Yusuff, beliau merupakan pembesar yang menguasai Lembah Kinta, kawasan yang mempunyai deposit bijih timah terkaya di dunia selama beberapa dekad. Datoh Panglima Kinta juga diakui sebagai individu yang berperanan mengembangkan Ipoh dari sebuah kampung kepada sebuah bandar yang kaya hasil perlombongan bijih timah (Mohanlall, 2011: 20).

Selain Datoh Panglima Kinta Muhammad Yusuff, antara tokoh Melayu lain yang terlibat dalam perlombongan bijih timah adalah Raja Haji Musa yang merupakan ketua Kampung Slim, Perak. Beliau merupakan pelombong bijih timah pertama di kawasan tersebut pada awal kurun ke-20. Selain melombong bijih timah, beliau juga telah membuka ladang getah. Raja Haji Musa yang berasal dari Sumatera ini juga terkenal sebagai seorang ahli agama dan pahlawan (Hajah Yatimah binti Rimun, 2020: 233).

Selain memiliki tanah lombong, pembesar Melayu juga berkuasa untuk mengenakan cukai. Namun penguasaan pembesar Melayu mula hilang apabila pemodal-pemodal dari Negeri-Negeri Selat mula berurusan secara terus dengan lombong-lombong ini. Hal ini menyebabkan sumber pendapatan mereka hilang dan kuasa tradisional mereka mula pudar (Mohanlall, 2011: 20). Penguasaan pemodal Cina dan kemasukan buruh Cina secara besar-besaran telah mewujudkan persatuan kongsi gelap yang berperang sesama sendiri. Kekacauan ini telah menjejaskan industri perlombongan. Bagi menjaga kepentingan pemodal dan industri, pemodal Cina dari Singapura, Tan Kim Ching telah mempengaruhi Raja Abdullah untuk mengambil kuasa dan meletakkan Perak di bawah perlindungan pejabat kolonial British.¹ Perkara ini telah menatijahkan British untuk campur tangan secara langsung di negeri-negeri Melayu untuk menjaga kepentingan para pemodal.²

Pengenalan enjin wap dan pam *centrifugal* pada tahun 1877 membolehkan aktiviti perlombongan dilakukan pada kedalaman yang lebih dalam. Dua kawasan utama yang kaya dengan bijih timah di Perak adalah di Larut dan di Kinta (Andaya, 2001: 214). Kekayaan ini menjadikan Perak sebagai sebuah negeri yang signifikan peranannya untuk dikaji terutamanya berkenaan industri perlombongan bijih timah. Seperti yang sudah ditinjau, pada peringkat awal, perusahaan perlombongan bijih timah dilaksanakan oleh golongan elit Melayu yang menjadi pengusaha lombong. Oleh kerana komoditi ini sangat menguntungkan, pengusaha tempatan ini kemudian mendapat modal daripada pemodal Cina dari Melaka dan Singapura (Khairul Anuar Mohd Rosli, 2018:18). Penguasaan pemodal Cina ini akhirnya menenggelamkan penguasaan golongan elit Melayu.

Penguasaan pelombong Cina pada peringkat awal ini diakui oleh penulis British. Misalnya Ralph Stokes yang merupakan seorang editor perlombongan telah menerbitkan tulisannya pada tahun 1906 yang menyatakan bahawa orang Cina merupakan pengeluar utama bijih timah di Tanah Melayu iaitu sebanyak sekitar 85 hingga 90 peratus (Stokes, 1906: 9). Walau bagaimanapun, Stokes melihat bahawa penguasaan orang Eropah semakin berkembang terutamanya di Perak di mana kawasan yang kaya dengan bijih timah di Kinta melihatkan penguasaan orang Eropah semakin kuat. Satu per lima pengeluaran bijih timah di Kinta pada

ketika itu datang dari lombong milik orang Eropah (Stokes, 1906: 13). Antara syarikat Eropah yang dominan adalah *Société des Etains de Kinta* atau lebih dikenali sebagai *French Mining Company* yang dikatakan merupakan antara peneroka awal dalam perlombongan secara saintifik di Tanah Melayu (Stokes, 1906: 15).

British yang telah campur tangan dan menguasai negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang kemudiannya telah membentuk pentadbiran yang dipanggil Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) (Khairul Anuar Mohd Rosli, 2018:18). Dengan penguasaan ini, para pemodal dapat terlibat dengan lebih meluas di negeri-negeri Melayu dan mengambil alih penguasaan lombong-lombong bijih timah daripada pembesar Melayu. Perlombongan bijih timah dikuasai oleh pengusaha Cina hingga tahun 1920-an. Dalam tempoh ini telah berlaku penghijrahan yang besar di Perak, dari tahun 1911 hingga 1931. Menurut pengkaji sejarah seperti Siti Noor Hafizah, hasil migrasi dari luar, penduduk di Perak telah meningkat sebanyak 266,230 orang iaitu kira-kira 54.2 peratus (Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif, 2023: 155). Pelombong Cina mempunyai kelebihan di peringkat awal kerana mereka menguasai pasaran buruh dengan upah yang rendah. Walaupun kemasukan imigran dan buruh ke Perak ini telah merencanakan kegiatan perlombongan, namun ia juga mempunyai kesan sampingan lain seperti masalah-masalah kesihatan.³ Selain itu, kemasukan besar-besaran ini juga semakin menenggelamkan penglibatan orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah. Kemasukan ini juga menguatkan lagi penguasaan pelombong Cina.

Namun bermula tahun 1930-an, industri perlombongan bijih timah di Perak mula dikuasai oleh syarikat-syarikat Eropah. Syarikat-syarikat ini mula menggunakan mesin-mesin mekanikal yang tidak lagi bergantung kepada keperluan buruh yang tinggi. Peraturan British yang memberi kelebihan kepada syarikat Eropah juga telah memaksa pemilik lombong Cina dan Melayu menjual lombong mereka kepada syarikat Eropah. Pada tahun 1930-an, syarikat Eropah menguasai 63 peratus pengeluaran bijih timah di Tanah Melayu (Mohanlall, 2011: 32-33). Selain bijih timah, emas juga diperoleh melalui aktiviti perlombongan yang diusahakan di Perak (Wray, 1894: 19-34).

Peranan industri bijih timah kepada ekonomi Tanah Melayu semasa pentadbiran British sangat signifikan. Hal ini dapat dilihat daripada laporan-laporan dan juga catatan British. Misalnya dalam sebuah monograf *Imperial Institute* yang ditulis oleh G. M. Davies pada tahun 1919, beliau mencatatkan bahawa NNMB merupakan pengeluar bijih timah terbesar di dunia (Davies, 1919: 33). Daripada rekod-rekod British, kita dapat melihat bahawa British bukan sahaja mahu mendominasi hasil lombong bijih timah, British juga berusaha untuk mengekang kuasa lain seperti Belanda daripada menguasai teknologi perlombongan. Misalnya pada tahun 1926, terdapat cadangan untuk memasukkan syarat bahawa mesin-mesin perlombongan yang ingin diimport ke Tanah Melayu mestilah menggunakan 75 peratus bahan-bahan yang dihasilkan oleh British (CO 717/53/10).

Usaha British dalam memonopoli teknologi dan hasil bijih timah ini penting bagi menjamin kelangsungan ekonomi British. Perkara ini dapat dilihat misalnya daripada ucapan Frank E. Mair yang merupakan pengerusi kepada syarikat *Tekka Ltd* pada tahun 1931. Dalam ucapannya kepada pemilik-pemilik saham syarikat beliau berkata:

*“Malaya – a British Protectorate – owes much to its tin mining industry. The industry has been developed without financial risk to the administration and has been a source of enormous revenue to the country over a period of years”.*⁴

Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa sememangnya industri bijih timah telah memberi sumbangan ekonomi yang besar kepada Tanah Melayu. Negeri yang kaya dengan bijih timah telah dibangunkan sesuai dengan kepentingan British. Perak misalnya merupakan negeri Melayu pertama yang dibangunkan sistem telegraf bagi melicinkan pentadbiran British

(Muhammad Hafiz Isa dan Mohd Samsudin, 2020: 16). Disebabkan industri ini memainkan peranan penting dalam pembangunan Tanah Melayu secara amnya dan negeri Perak secara khususnya, maka penglibatan orang Melayu di dalam industri ini merupakan satu lapangan yang sangat signifikan untuk dikaji dengan lebih lanjut.

Tinjauan Kajian Lalu

Terdapat banyak tulisan dan kajian telah dihasilkan perihal industri perlombongan bijih timah di Perak. Namun penekanan yang diberikan adalah kepada sumbangan pelombong-pelombong Cina yang datang untuk bekerja sebagai buruh dan juga perkembangan masyarakat buruh Cina ini di Perak. Tulisan Francis Loh Kok Wah yang bertajuk *Beyond the Tin Mines: Coolies, Squatters and New Villagers in the Kinta Valley, Malaysia, c. 1880-1980* adalah satu tulisan yang baik yang mengkaji perihal buruh Cina yang bekerja di lombong di Perak serta perkembangan mereka sebagai sebuah masyarakat (Francis Loh Kok Wah, 1988).

Pendekatan yang diambil oleh Francis Loh adalah pendekatan Marxis yang mengkaji rakyat bawahan, dan kajian beliau difokuskan kepada buruh Cina yang beliau tulis sebagai “*Chinese working people*” (Francis Loh Kok Wah, 1988: 1). Walau bagaimanapun, jika dilihat melalui sumber-sumber yang digunakan, Francis Loh banyak bergantung kepada sumber-sumber kerajaan British. Oleh itu, walaupun perspektifnya adalah sejarah rakyat, sumbernya masih lagi sumber-sumber yang dikeluarkan pemerintah British dan tidak mewakili suara sebenar rakyat bawahan.

Untuk tempoh 1880-1941, tulisan Francis Loh telah mengemukakan masalah kekurangan buruh di Perak yang menjadi kekangan bagi pegawai kolonial British bagi memenuhi kehendak pasaran. Hal ini menatijahkan migrasi besar-besaran buruh Cina ke Kinta, Perak. Beliau juga memperlihatkan bagaimana teknik perlombongan berubah daripada kerja manual kepada teknologi berbentuk mekanikal, pada tahun 1912, di mana kapal korek mula digunakan di Batu Gajah, Perak. Penggunaan teknologi mekanikal menyebabkan banyak buruh kehilangan kerja, selain itu British juga memperkenalkan undang-undang bagi menghapuskan pemilikan lombong-lombong kecil Cina. Buruh-buruh Cina yang hilang pekerjaan ini sebahagian kecilnya diserap ke dalam industri getah, manakala selebihnya menjadi petani (Francis Loh Kok Wah, 1988: 7-39). Daripada tulisan Francis Loh, kita dapat memahami perkembangan industri timah di Perak terutamanya di daerah Kinta, Perak namun peranan orang Melayu dalam tulisan beliau hampir tidak wujud. Peranan orang Melayu tidak dicatatkan baik secara langsung atau tidak langsung dalam industri perlombongan bijih timah bagi tempoh masa yang ingin dikaji. Namun tulisan beliau berguna untuk kajian ini dalam konteks perundangan semasa kerana beliau banyak menerangkan latar perundangan British yang mengawal industri perlombongan bijih timah di Perak.

Menurut kajian yang dibuat oleh Wong Lin Ken yang bertajuk *The Malayan Tin Industry to 1914 with Special Reference to the States of Perak, Selangor, Negri Sembilan and Pahang*, perkembangan perlombongan bijih timah di negeri Melayu berlaku disebabkan oleh orang Cina kerana mereka mempunyai skil, modal, dan juga tenaga buruh (Wong Lin Ken, 1959: ii). Kajian Wong Lin Ken adalah antara kajian terawal berkenaan dengan industri perlombongan bijih timah dan diterbitkan dua tahun selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Oleh itu, pandangan daripada kajiannya menjadi pandangan yang dominan dalam topik ini yang akhirnya meminggirkan peranan orang Melayu dalam penulisan sejarah industri perlombongan bijih timah. Penulisan Wong Lin Ken menerangkan bahawa terma pelombong bukan sahaja bermaksud buruh yang melombong, tetapi merangkumi pekerja lain yang terlibat dalam aktiviti perlombongan seperti pengurus, jurutera, dan juga pemilik lombong (Wong Lin Ken, 1959: xii). Kajian Wong Lin Ken juga sangat baik dalam memberi tinjauan awal sejarah perlombongan bijih timah di Tanah Melayu yang sudah bermula sejak zaman pra-sejarah. Kajian ini memerihalkan penerokaan pedagang dari India pada abad ke-5. Pada abad ke-9, bijih

timah merupakan komoditi yang dicari oleh pedagang Arab dan pada 1921, timah dieksport ke China. Portugis pula menguasai perdagangan bijih timah di Tanah Melayu dari 1511 hinggalah kepada kemunduran mereka pada abad ke-17. Abad ke-17 dan 18, perdagangan timah dikuasai oleh pedagang Belanda. Abad ke-19 menyaksikan industri perlombongan oleh Perusahaan Cornish Tin di Cornwall, Britain merosot, ini memberi peluang kepada bijih timah di Tanah Melayu berkembang maju bagi memenuhi keperluan bijih timah British (Wong Lin Ken, 1959: 5-42). Latar yang diterangkan oleh Wong Lin Ken sangat membantu pengkaji untuk memahami latar industri perlombongan bijih timah di Tanah Melayu.

Tinjauan juga dibuat terhadap kajian yang dilakukan oleh Nadaraja Kannan yang bertajuk *Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1933: Kesan Sosioekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* (Nadaraja Kannan, 2002). Kajian beliau memfokuskan perihwal perkembangan ekonomi. Dalam kajian beliau, beliau ada meninjau perkembangan perusahaan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu. Beliau mendapati, perusahaan ini dihasilkan menggunakan modal, buruh, dan perusahaan Cina pada akhir abad ke-19, penglibatan orang Eropah mula nampak ketara selepas penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1896. Di sini kita melihat bagaimana beliau menggunakan perspektif yang dibawa oleh Wong Lin Ken. Oleh itu, tidak hairanlah peranan orang Melayu tidak ditonjolkan.

Nadaraja Kannan menerangkan bagaimana penguasaan orang Eropah semakin kuat dengan penggunaan kapal korek, ia pertama kali digunakan oleh *Malayan Tin Dredging Company* di Batu Gajah, Perak pada tahun 1912. Beliau juga menerangkan perihwal kemerosotan ekonomi yang mempengaruhi industri bijih timah bermula pada tahun 1925 hingga 1930-an (Nadaraja Kannan, 2002: 37-44). Antara kesan kemerosotan ekonomi ini adalah pembuangan kerja terhadap buruh lombong, namun kajian beliau ini hanya menyebutkan kes yang berlaku pada pelombong Cina tanpa menyentuh kesan terhadap pelombong Melayu (Nadaraja Kannan, 2002: 102-105).

Penggunaan kapal korek oleh syarikat Eropah sebenarnya memberi ruang kepada orang Melayu untuk bekerja di dalam sektor perlombongan bijih timah. Dalam kajian yang dilakukan oleh Nim Chee Siew bertajuk *Labour and Tin Mining in Malaya*, beliau menyebutkan bahawa syarikat Eropah yang menggunakan kapal korek banyak mengambil pekerja Melayu dan India sebagai juruteknik, juruelektik, *fitters*, mekanik, *chargemen*, dan juga *winchmen*. Di sini kita dapat melihat bentuk dan jenis penglibatan orang Melayu dalam industri ini tidak terhad sebagai buruh kasar sahaja. Selain itu terdapat juga lombong-lombong kecil yang diusahakan pelombong Melayu menggunakan kaedah perlombongan lama. Terdapat juga orang Melayu yang menjadi pelombong di lombong orang Cina, mereka diberikan upah yang lebih tinggi kerana mereka tidak mendapat makanan percuma menurut kajian Nim Chee Siew (Nim Chee Siew, 1953: 7-8). Seperti kajian-kajian lain, kajian Nim Chee Siew juga hanya menyebut peranan orang Melayu secara sepintas lalu. Oleh itu, melalui tinjauan kajian lepas ini, dapatlah kita fahami bahawa belum ada satu kajian menyeluruh yang memfokuskan penglibatan pelombong Melayu di Perak dari tahun 1874 hingga 1941. Kelompongan penulisan sejarah ini mewajarkan kajian lanjutan yang lebih teliti dan mendalam dilaksanakan.

Pengabaian Penglibatan Orang Melayu Dalam Naratif Sejarah Industri Bijih Timah

Penelitian terhadap penulisan dan kajian lalu mendapati wujudnya pengabaian penglibatan orang Melayu dalam persejarahan industri perlombongan bijih timah di Perak terutamanya dalam tempoh kajian yang bermula pada tahun 1874 hingga tahun 1941. Selain daripada jumlah buruh Melayu yang kecil, pengabaian ini juga berlaku disebabkan oleh fahaman bahawa British melaksanakan dasar pecah perintah dan hanya menggunakan buruh Cina dalam industri ini. Tinjauan awal ini mendapati bahawa orang Melayu sememangnya terlibat dalam industri perlombongan bijih timah di Perak sejak awal kewujudannya dan penglibatan mereka

berterusan ketika penguasaan British di Tanah Melayu selepas Perjanjian Pangkor hinggalah pada zaman pendudukan Jepun.

Isu yang ingin dijawab dalam kajian ini adalah sejauh mana orang Melayu terlibat dalam industri perlombongan bijih timah di Perak bermula pada tahun 1874 hingga ke tahun 1941. Masalah yang wujud dalam isu ini adalah tiadanya kajian khusus yang mengkaji sumbangan orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah yang dipaparkan dalam penulisan sejarah. Masalah ini telah menimbulkan kekeliruan kefahaman dalam kalangan masyarakat bahawa hanya buruh Cina sahaja yang terlibat dalam industri ini. Perkara ini dapat dilihat dalam penulisan-penulisan dan kajian-kajian lalu yang menyaksikan fokus hanya diberikan kepada sumbangan dan kegiatan buruh Cina. Penglibatan buruh Melayu dan juga buruh India, tidak disejajarkan.

Kekeliruan juga muncul apabila wujudnya perspektif yang menyatakan penglibatan orang Cina dan pengabaian orang Melayu dalam industri ini adalah hasil polisi pecah dan perintah British. Namun, tinjauan ini mendapati bahawa kewujudan dasar pecah dan perintah yang ingin mengasingkan kaum kepada jalur ekonomi yang berbeza dalam industri perlombongan bijih timah ini tidak dapat dipertahankan. Hal ini kerana, orang Melayu didapati terlibat dalam industri perlombongan bijih timah sebelum dan selepas penjajahan British dan tidak hanya bekerja sebagai petani dalam tempoh masa ini.

Kekeliruan ini, jika tidak dikaji dan dijawab secara tuntas, ia akan melahirkan satu kefahaman yang salah perihal satu industri yang sangat besar sumbangannya kepada ekonomi Tanah Melayu. Dengan mengabaikan sumbangan orang Melayu dalam industri ini, penulisan sejarah perihal industri ini mengalami kelompongan yang serius kerana seolah-olah industri ini langsung tidak melibatkan masyarakat peribumi walaupun ia sebenarnya sudah menjadi kegiatan ekonomi masyarakat tempatan sejak sebelum kedatangan British di Tanah Melayu, dan berterusan selepasnya.

Apabila British mula memerintah Tanah Melayu, industri perlombongan bijih timah meningkat empat kali ganda. Pada tahun 1900, Tanah Melayu menjadi pengeluar bijih timah penting dunia dan mencatatkan 51 peratus pengeluaran bijih timah dunia (Brown, 1997: 194). Tahun 1874 menandakan bermulanya penglibatan British secara langsung dalam pentadbiran negeri di Tanah Melayu melalui Perjanjian Pangkor (Buyong Adil, 2021: 71-72). Sebelum tahun 1874, tidak banyak sumber yang merekodkan aktiviti perlombongan di Tanah Melayu.⁵ Oleh itu, kajian perihal penglibatan orang Melayu dalam perlombongan bijih timah perlu dimulakan dari tahun ini disebabkan rekod-rekod yang sistematik mula wujud pada tempoh masa ini. Tahun 1941 pula sesuai dijadikan sebagai tahun akhir kajian kerana pada tahun ini bermulanya pendudukan Jepun di Tanah Melayu (Saiful Akram Bin Che Cob, 2015). Kemasukan Jepun sebagai penjajah baharu telah menjejaskan perkembangan industri perlombongan bijih timah. Hal ini demikian kerana, apabila British berundur ke Singapura, mereka telah melaksanakan dasar bumi hangus. Jepun cuba untuk meneruskan aktiviti perlombongan dengan mengambil alih syarikat Eropah, namun mereka berhadapan dengan pelbagai masalah seperti kenaikan kos, kekurangan alatan dan buruh, juga aktiviti sabotaj yang dilaksanakan oleh gerakan anti-Jepun (Nim Chee Siew, 1953: 8-9).

Ringkasnya, kajian lepas yang dihasilkan kebanyakannya memberi fokus kepada penglibatan buruh Cina. Kajian-kajian seperti ini telah dilaksanakan oleh Francis Loh Kok Wah, Wong Lin Ken, dan Nim Chee Siew yang telah diulas. Oleh itu, tidak banyak kelompongan kajian yang ada untuk diterokai perihal penglibatan buruh Cina. Sebaliknya kajian perihal buruh Melayu mempunyai kelompongan yang sangat besar.

Pemilihan negeri Perak sebagai latar kajian pula adalah kerana pada tempoh masa ini negeri Perak merupakan pengeluar bijih timah utama di Tanah Melayu. Oleh itu Perak adalah subjek kajian yang signifikan yang pastinya mempunyai jumlah buruh Melayu yang ramai bekerja dalam industri perlombongan bijih timah berbanding negeri-negeri lain.

Pada tahun 1929 misalnya, sumbangan keseluruhan bijih timah yang dihasilkan di Perak adalah sebanyak 61.7 peratus daripada keseluruhan jumlah bijih timah yang dihasilkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Nadaraja Kannan, 2002: 42). Daerah Kinta, Perak, pada awal abad ke-20 telah mengeluarkan 1,134 tan bijih timah dan menjadi kawasan perlombongan utama di Tanah Melayu (Nim Chee Siew, 1953: 2). Di sini dapat kita fahami bahawa kajian perihal penglibatan buruh Melayu dalam perlombongan bijih timah wajar menggunakan Perak sebagai latar lokasi kajian dan tahun 1874 hingga tahun 1941 sebagai skop masa. Dengan menggunakan latar dan skop ini, pengabaian kajian perihal pelombong Melayu dapat dirungkai dengan teliti dan mendalam.

Sumber dan Data Penglibatan Pelombong Melayu di Perak

Metodologi utama yang digunakan dalam tinjauan ini adalah kaedah kualitatif dengan menganalisa sumber pertama dan sumber-sumber sekunder. Selain itu, kaedah kuantitatif turut digunakan dengan menganalisa data-data buruh bagi menguatkan lagi dapatan daripada kaedah kualitatif.

Sumber primer yang digunakan termasuklah laporan-laporan yang dikeluarkan oleh kerajaan British dalam tempoh yang dikaji sebagai sumber utama. Sumber-sumber pertama dari Arkib Negara Malaysia dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang belum ditafsirkan. Antara dokumen yang dirujuk di Arkib Negara Malaysia adalah dokumen bertajuk *Mines Department Batu Gajah*.⁶ Dokumen ini merekodkan transaksi yang berlaku di jabatan perlombongan termasuk aktiviti permohonan tanah dan aktiviti perlombongan di Batu Gajah, Perak. Daripada dokumen ini, didapati bahawa penglibatan orang Melayu bukan sekadar sebagai pelombong, ada juga rekod yang menunjukkan orang Melayu memohon kebenaran melakukan tinjauan geologi (*geological survey*). Dokumen ini bukan sahaja merekodkan aktiviti perlombongan, terdapat banyak rekod permohonan orang Melayu untuk mendapatkan lot tanah bagi aktiviti pertanian bagi tanaman seperti getah, rumbia, dan sayur-sayuran.

Dokumen lain yang dirujuk di Arkib Negara Malaysia adalah dokumen yang bertajuk *Kinta Land Office 1912*. Dokumen ini memaparkan lebih banyak permohonan orang Melayu bagi mendapatkan tanah perlombongan daripada rekod *Mines Department Batu Gajah*. Selain itu, dokumen *Kinta Land Office 1912* juga sangat menarik kerana terdapat rekod permohonan daripada wanita Melayu, perkara ini menunjukkan bahawa bukan kaum lelaki Melayu sahaja terlibat dalam industri perlombongan di Perak pada tempoh masa yang dikaji (Kinta Land Office, 1912). Rekod di Arkib Negara Malaysia bagi laporan ini tersimpan dari tahun 1912 hingga ke tahun 1961. Oleh itu ia sangat sesuai digunakan kerana ia merangkumi hampir keseluruhan tempoh yang dikaji. Dalam dokumen *Kinta Land Office 1912* misalnya direkodkan bahawa Raja Alang Iskandar dari Kuala Lumpur memohon tanah untuk melombong pada 5 Januari 1912:

“Mining Appln. 3/12 Kampar. (File No. 24/12)” (Kinta Land Office, 1912: Ser. No. 22)

Rekod permohonan untuk perlombongan ini berbeza dengan permohonan tanah untuk tujuan lain. Misalnya permohonan untuk kegunaan umum direkodkan sebagai *“Land Appln.”* Manakala untuk tujuan pertanian direkod sebagai *“Agrl.”* Pada 12 Februari 1912 direkodkan permohonan Teh Hawa binti Mohd. Resat dari Ipoh dengan perkara:

“Mining Appln. 5/12 Teja. (File No. 265/12)” (Kinta Land Office, 1912: Ser. No. 246)

Permohonan dari Raja Alang dan Teh Hawa ini bukanlah satu-satunya rekod permohonan orang Melayu, terdapat banyak permohonan dari kalangan orang Melayu lelaki

dan wanita dalam fail ini untuk tujuan perlombongan. Walaupun tidak dinyatakan bahawa permohonan ini diluluskan atau tidak, secara logiknya pastilah ada sebahagiannya yang diluluskan. Jika tidak, pastilah orang Melayu tidak berkali-kali memohon tanah untuk perlombongan jika semuanya tidak diluluskan oleh British. Walaupun fail ini tidak menyatakan adakah permohonan-permohonan ini diluluskan, terdapat juga nota yang memberi indikasi bahawa permohonan tanah oleh orang Melayu, termasuk dalam kalangan wanita itu diluluskan tetapi tidak diserahkan. Misalnya terdapat nota bagi permohonan Sadih (f) dari Kota Lama Kiri pada 09 Februari 1912:

“Re’her 10 acres of mining land approved by Sir E.W. Birch, in the Mukim of U. Kinta was not granted to her.” (Kinta Land Office, 1912: Ser. No. 253)

Fail-fail Pejabat Tanah di Arkib Negara bukan sahaja merekodkan permohonan tanah bagi tujuan perlombongan. Di dalam fail Pejabat Tanah dan Galian Ipoh misalnya, direkodkan juga kemalangan yang melibatkan kematian di lombong-lombong. Misalnya pada tahun 1958-1959, direkodkan kemalangan berlaku di lombong *Phan Yee Ling Sg. Pinji Mine, Societe Civils Miniere de Changkat Papan Mine. No. 4*, dan *Fook Hup Nam Mine No. 2* (Senarai Penjelasan Pejabat Tanah dan Galian Ipoh, 1935-1938, 1949, 1951, 1953, 1957-1965: Bil. Set., 516-522).

Orang Melayu bukan sahaja terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih timah sebagai pemilik tanah dan juga buruh, mereka juga terlibat dalam jabatan yang berbentuk teknikal. Misalnya rekod di dalam Jabatan Geologi FMS (1920-1930) merekodkan bahawa orang Melayu berkhidmat dalam jabatan ini. Pada 06 Disember 1923 direkodkan daripada ahli geologi di Batu Gajah bahawa:

“Salary payable to Malay subordinates going to England for the B.E. Exhibition (No. Fail 162/22)” (Geological Department (F.M.S) Ipoh Perak, 1920-1930: Bil. Seturut 158)

Nama sebahagian dari pekerja ini direkodkan di dalam fail Jabatan Geologi, antaranya adalah Buyong dan Ramly dari Batu Gajah, Perak yang pada 31 Januari 1929 telah memohon untuk kenaikan gaji.

“Apply for increased rate of salary, Salaries of Malay Subordinates in the Geological Survey Dept., (No. Fail 48/29)” (Geological Department (F.M.S) Ipoh Perak, 1920-1930: Bil. Seturut 48)

Selain rekod di Arkib Negara, rujukan juga dilakukan di bilik arkib Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia (USM). Antara bahan yang dirujuk adalah laporan tahunan negeri Perak dalam fail yang berjudul *Perak Administration Report*, rekod laporan yang disimpan di bilik arkib PPIK USM adalah dari tahun 1890 hingga 1939. Namun laporan ini tidak dipaparkan secara keseluruhan, fail yang ada merupakan bahagian terpilih daripada laporan asal, ia lebih banyak memfokuskan maklumat-maklumat berkenaan dengan populasi terutamanya perihal kelahiran, kematian, kesihatan, imigrasi dan emigrasi. Maklumat berkenaan dengan perlombongan bijih timah sangat terhad dalam laporan terpilih ini. Ada misalnya dilaporkan hasil pengeluaran bijih timah, namun tidak memperincikan perihal buruh dan pekerjaanya. Pada laporan tahun 1904 misalnya ada diperincikan bahawa pelabur Eropah mula melabur di lombong bijih timah di Perak dan membawa masuk teknologi baharu, juga prejudis pelombong Cina terhadap teknologi perlombongan baharu juga dikatakan sudah dapat diatasi dan akhirnya menatijahkan industri yang lebih efisien (Perak Administration Report, 1904).

Terdapat juga laporan yang boleh diakses secara terbuka di internet seperti dokumen yang bertajuk *Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries* yang diterbitkan oleh Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Laporan ini sangat berguna kerana ia memberi pecahan buruh yang bekerja di sektor perlombongan bijih timah di Perak mengikut kaum bagi setiap tahun. Rekod laporan yang diteliti adalah dari tahun 1911 hingga 1918. Rekod ini sangat baik dalam memberi gambaran jumlah pelombong Melayu. Namun, oleh kerana ia hanya mewakili tempoh yang lebih singkat daripada keseluruhan tempoh yang dikaji, dokumen ini perlu diterokai lagi bagi mendapatkan rekod-rekod tahun yang lain agar ia mewakili keseluruhan tempoh kajian.

Kaedah penelitian dengan merujuk kepada dokumen-dokumen arkib ini merupakan kaedah yang relevan dan sesuai untuk kajian ini kerana rekod bertulis adalah rekod yang paling banyak dalam merekodkan aktiviti perlombongan bijih timah di Perak. Tinjauan ini juga meninjau beberapa rekod muzium dalam bentuk laporan iaitu *Perak Museum Notes*, dokumen ini ada menyentuh penglibatan orang Melayu dalam aktiviti perlombongan bijih timah di Perak. Namun tinjauan awal mendapati sumber-sumber ini sahaja tidak cukup untuk menerangkan penglibatan orang Melayu, kerana kebanyakannya hanya menyentuh penglibatan mereka secara imbasan kecil. Penerokaan yang lebih luas perlu dilakukan bagi meneroka sumber seperti Arkib Negara Cawangan Negeri Perak, Perpustakaan Negeri Perak, rekod-rekod persatuan buruh, rekod-rekod syarikat, rekod-rekod muzium di Perak, rekod jabatan kerajaan, dan juga dokumen-dokumen daripada simpanan peribadi.

Selain daripada penelitian terhadap sumber pertama. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan di mana penelitian diberikan kepada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain perihal subjek ini. Selain bahan kajian pengkaji terdahulu, kaedah kepustakaan yang digunakan turut akan menganalisa bahan-bahan bercetak seperti buku, jurnal, dan juga monograf.

Selain kaedah kualitatif, kajian ini juga menggunakan kaedah kuantitatif bagi menganalisa data-data yang dikeluarkan oleh laporan kerajaan. Data dan statistik ini digunakan bagi mengeluarkan maklumat berkenaan perihal orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah di Perak. Data dan statistik digunakan bagi menguatkan lagi pandangan yang cuba dibawa dalam kajian ini selain daripada memberikan gambaran sebenar perihal aspek-aspek yang dikaji seperti jumlah buruh Melayu yang terlibat serta jenis penglibatan mereka. Penggunaan kaedah kuantitatif ini relevan bagi menguatkan lagi dapatan serta mengembangkan lagi dapatan yang diperolehi daripada kaedah kualitatif. Hal ini demikian kerana, data-data ini dapat ditafsir dan digunakan bagi menerangkan keadaan yang berlaku pada zaman dahulu.

Penglibatan Orang Melayu Dalam Perlombongan Melalui Catatan British dan Penulisan Memoir

Daripada catatan-catatan British, orang Melayu sememangnya terlibat dalam aktiviti perlombongan. Catatan British penting untuk diperhatikan kerana ia memberi gambaran penglibatan orang Melayu pada peringkat awal, dan juga sebagai latar sebelum wujudnya rekod statistik yang tersusun. Misalnya Jun L. Wray yang menulis pada tahun 1898 mencatatkan operasi syarikat perlombongan Eropah iaitu *Gopeng Tin Mining Company Limited* yang diketuai E.R. Pike. Sebelum menjadi pengurus syarikat ini, Pike bekerja sebagai inspektor lombong di bawah kerajaan British. Wray menulis dengan terperinci bagaimana syarikat ini beroperasi pada tahun 1896. Pada sebelah malam, buruh Cina bekerja untuk memotong tanah-tanah menggunakan mesin hidraulik. Manakala pada sebelah siang, 40 orang buruh wanita Melayu dan India akan membasuh tanah yang telah dipotong bagi mendapatkan bijih timah. Buruh-buruh ini dibayar 40 sen bagi tempoh enam jam bekerja dan 60 sen untuk 12 jam bekerja

(Wray, 1898: 82-83). Di sini kita melihat bahawa orang Melayu turut terlibat dalam aktiviti perlombongan dalam syarikat Eropah.

Pada tahun 1938, Lewis Fermor yang merupakan ketua bagi *Indian Geological Survey* telah diminta oleh kerajaan British untuk datang ke Tanah Melayu dan membuat kajian dan laporan perihal polisi perlombongan British. Beliau telah tiba di Singapura pada 30 Mac 1938, dan bertemu dengan Shenton Thomas yang merupakan gabenor Negeri-Negeri Selat bagi merancang perjalanan kajiannya di Tanah Melayu (CO717/132/9). Fermor telah menjadikan Kuala Lumpur sebagai markas kajiannya. Beliau telah melawat kawasan-kawasan perlombongan di Johor, Melaka, Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Pulau Pinang, Kedah, dan Perlis. Kawasan utama yang dilawati di Perak adalah di Batu Gajah, Lembah Kinta, Taiping, Teluk Intan dan Ipoh.

Menurut Fermor, orang Melayu hampir tidak terlibat langsung dengan industri perlombongan bijih timah. Menurut beliau lagi, walaupun tamadun orang Melayu itu tidak terjejas akibat perlombongan bijih timah, mereka merasai kesan industri ini di tanah air mereka. Kenyataan Fermor ini bersifat agak paradoksikal, di satu bahagian dia menyatakan bahawa orang Melayu tidak terkesan, di bahagian lain beliau menyatakan orang Melayu merasai kesan daripada perlombongan bijih timah. Fermor merupakan pegawai British yang melihat perlombongan bijih timah daripada aspek-aspek teknikal, oleh itu beliau besar kemungkinan tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam berkenaan dengan sejarah penglibatan orang Melayu dalam perlombongan bijih timah yang sebenarnya sudah bermula sebelum kedatangan British lagi.

Namun jika dibaca tulisan Fermor, kita akan mendapati bahawa orang Melayu itu tidaklah langsung tidak terlibat dalam industri perlombongan bijih timah. Apabila Fermor menulis bahawa orang Melayu tidak terlibat, dia juga menulis ada kes-kes pengecualian yang menunjukkan ada orang Melayu yang terlibat dalam industri perlombongan bijih timah. Fermor menulis di dalam laporannya:

“Although the Malays are engaged hardly at all in mining (the Dotoh Panglima Kinta being a notable exception), they feel the repercussions of mining, and accordingly I secured the privilege of meeting various Malay gentlemen, including Sir Abdul Aziz, the Raja Muda of Perak, (now His Highness the Sultan of Perak). To His Highness I was indebted for a pleasant launch trip on the Perak river from Talok Anson as far upstream as Kampung Pulau Tiga for the purpose of viewing Malay civilisation as unaffected by mining”.
(CO717/132/9)

Perhatikan bahawa Fermor membuat pengecualian. Orang Melayu tidak terlibat dalam industri perlombongan bijih timah kecuali Datoh Panglima Kinta. Di sini dapat kita fahami bahawa terdapat orang Melayu sebenarnya yang terlibat dalam industri perlombongan bijih timah walaupun jumlah mereka kecil.

Kenyataan Fermor bahawa orang Melayu tidak terlibat dalam perlombongan bijih timah dan tamadun mereka tidak terkesan dengan industri ini sebenarnya bercanggah dengan catatan-catatan yang lebih awal. Misalnya catatan yang ditulis oleh Major Fred McNair pada tahun 1878. Dalam catatannya, McNair telah menulis perihal negeri Perak berdasarkan pemerhatiannya termasuklah perkara-perkara berkenaan geografi, cuaca, perlombongan, tumbuh-tumbuhan, haiwan, demografi, politik, juga peristiwa-peristiwa yang berlaku di Perak. Daripada pemerhatian McNair, kaum peribumi menggunakan metodologi primitif dalam melombong bijih timah, perihal orang Melayu yang melombong, McNair menulis:

“The Malays dig a few feet down in a favourable spot at the base of the hills, take up the clay, which contains the tin in small nodules, and carefully wash it

in running water, made to flow over it by means of artificial channels. The ore is then, when dry, ready for smelting, which is also performed in a very primitive manner". (McNair, 1878: 30-31)

Hal ini menonjolkan bahawa penglibatan orang Melayu dalam perlombongan bijih timah sudah wujud sejak sekian lama. Catatan McNair diterbitkan beberapa tahun selepas British campur tangan di negeri-negeri Melayu, tentulah apa yang diperhatikan itu sudah menjadi kebiasaan orang Melayu sebelum kedatangan British lagi. Oleh itu kenyataan Fermor bahawa tamadun orang Melayu tidak terkesan dengan perlombongan bijih timah itu tidak benar. Sebaliknya apa yang berlaku adalah kedatangan pelombong-pelombong Cina secara besar-besaran telah menyebabkan penglibatan orang Melayu dalam industri bijih timah tenggelam kerana jumlah mereka yang lebih sedikit. Malah, dalam catatan McNair, apabila beliau menulis perihal proses perlombongan orang Cina, beliau mendapati bahawa kebanyakan proses yang dilakukan itu merupakan proses yang sama seperti yang dilakukan oleh pelombong Melayu. Cuma yang berbeza adalah skala yang dilakukan oleh pelombong Cina lebih besar. McNair menulis:

"The melting process is very similar to that of the Malays, but more elaborated, and is carried out on rather a larger scale, and in place of the bamboo bellows a very ingenious plan is adopted". (McNair, 1878: 33)

Daripada catatan McNair juga, kita dapat fahami bahawa melombong bijih timah itu sudah menjadi tradisi dalam kalangan orang Melayu di Perak. McNair memerhatikan bahawa aktiviti ini dilakukan di banyak kawasan. Malah apabila beliau pergi ke kawasan pedalaman, beliau masih melihat orang Melayu dan anak-anak mereka melombong bijih timah dengan cara mendulang. McNair menulis:

"It is no uncommon thing, when journeying through the interior, to come upon a Malay, or even a boy, washing the soil left by some ancient flood". (McNair, 1878: 35)

Lebih menarik, sebenarnya tradisi melombong bijih timah dengan cara mendulang ini berterusan dari abad ke-18 hingga abad ke-19. Hal ini boleh didapati daripada tulisan-tulisan dan catatan orang Melayu sendiri yang membesar melihat negeri mereka didatangi kapal-kapal korek gergasi sekitar tahun 1960-an. Misalnya tulisan pengalaman membesar pada tahun 1960-an di kampung di Lembah Kinta, Perak oleh Datuk Lat. Beliau menceritakan bahawa anak-anak orang Melayu akan mendulang bijih timah di lombong di belakang kapal korek (Lat, 2014). Walaupun aktiviti ini bersalahan di sisi undang-undang pada ketika itu, ia tetap dijalankan kerana orang Melayu boleh mendapatkan pendapatan tambahan hasil daripada aktiviti ini.

Penglibatan orang Melayu dalam aktiviti perlombongan juga boleh dijejaki melalui penulisan memoir oleh mereka. Misalnya Rashid Maidin yang menulis pengalamannya yang mula bekerja di Perak pada tahun 1933 ketika berusia 16 tahun. Rashid mula bekerja di sebuah syarikat penjanaan elektrik milik Perancis. Beliau kemudian telah bekerja di *Talam Mines Company* di Kampar, Perak yang juga merupakan syarikat Perancis. Rashid kemudian lulus ujian sebagai *electrical charginan* dan telah bekerja di syarikat perlombongan British iaitu *Kinta Consolidated Company Limited* di Tanjung Tualang, Perak. Rashid bertanggungjawab menjaga enjin kapal korek dan mendapati tenaga kerja di syarikat itu melibatkan pelbagai kaum. Pada tahun 1941, Rashid menyatakan bahawa terdapat beberapa orang Melayu lain yang turut bekerja di lombong tersebut. Di lombong tersebut, mereka menyertai persatuan buruh

yang bernama *Kinta Mining Workers' Association* (Rashid Maidin, 2004: 5-8). Dari penulisan memoir ini kita mendapati bahawa penglibatan orang Melayu di lombong itu bukanlah sesuatu yang asing. Mereka bukan sahaja bekerja sebagai buruh tetapi turut terlibat dalam bahagian-bahagian teknikal.

Daripada penulisan-penulisan ini dapat kita fahami bahawa aktiviti melombong bijih timah di Perak sebenarnya telah menjadi tradisi dalam kalangan orang Melayu. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas dalam catatan-catatan yang merekodkan sejarah orang Melayu apabila bermulanya campur tangan British di Perak. Tradisi ini berterusan hingga ke zaman moden di mana mereka terlibat dan bekerja di lombong sebagai buruh dan pekerja teknikal. Penglibatan orang Melayu dalam aktiviti perlombongan ini berterusan hingga selepas merdekanya Tanah Melayu dari British.

Penglibatan Orang Melayu Dalam Perlombongan Bijih Timah Dalam Sumber Arkib

Seperti yang dimaklumi, penglibatan orang Melayu dalam perlombongan bijih timah telah bermula sebelum kedatangan British di Tanah Melayu. Pada tahun 1848, Long Ja'afar yang merupakan pembesar di Larut, Perak telah menjemput pelombong Cina untuk membangunkan lombong bijih timah. Apabila beliau meninggal dunia pada tahun 1858, beliau telah digantikan oleh anaknya iaitu Ngah Ibrahim.⁷ Sumbangan industri bijih timah kepada negeri Perak sangat signifikan hingga disebut sebagai "*Perak, the state that tin built*" (Nor Hisham bin Zulkiflee, 2017: 2). Perlombongan yang dimulakan oleh pembesar Melayu ini kemudian diambil alih oleh para peniaga Cina dari Negeri-Negeri Selat pada abad ke-19 (Nadaraja Kannan, 2002: 37).

Penglibatan orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah tidak ditekankan dan tidak menonjol dalam penulisan sejarah terutamanya selepas abad ke-19, malah dalam sesetengah kajian, penglibatan mereka hampir tidak diperkatakan. Namun pengkajian dan pembacaan teliti akan menampakkan penglibatan mereka. Contohnya dalam penulisan Barbaya Andaya, beliau ada menyebut tentang bagaimana orang Melayu yang ingin membuka lombong bijih timah akan meminjam wang daripada saudagar Cina serta menggunakan buruh-buruh Cina sebagai pekerja lombong dan pekerja di bahagian pentadbiran. Timah yang dihasilkan akan dijual semula kepada pemodal Cina dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran (Andaya, 2001: 141). Andaya juga menulis tentang bagaimana orang Melayu telah menggunakan teknik perlombongan yang lebih maju pada abad ke-19. Contohnya dengan menggunakan kaedah yang lebih efektif seperti "*sluicing*" dan membina "*vertical shaft*" (Andaya, 2001: 143).

Pada tahun 1898, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mengeluarkan 40,000 tan bijih timah menjadikannya pengeluar timah terbesar di dunia. Penguasaan orang Eropah terhadap industri perlombongan bijih timah bermula sekitar tahun 1912 dengan pengenalan kapal korek, dominasi mereka mula ketara pada tahun 1930-an. Teknik perlombongan menggunakan kapal korek memerlukan modal yang besar, ilmu teknikal yang tinggi, dan juga birokrasi pentadbiran yang kompleks, semua ini dimonopoli oleh pentadbiran kolonial. Antara tahun 1870 hingga 1900 permintaan timah dunia meningkat tiga kali ganda. Antara 1900 hingga 1930 permintaan dunia meningkat dua kali ganda. Manakala antara tahun 1930 hingga 1960, permintaannya meningkat hanya sedikit (Andaya, 2001: 215).

Selain daripada catatan penulisan, penglibatan orang Melayu dalam perlombongan bijih timah juga boleh difahami daripada sumber-sumber arkib. Walaupun jumlah penglibatan mereka kecil terutamanya dalam rekod statistik British, ia tetap wujud dan direkodkan. Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan mereka masih dilihat sebagai signifikan oleh pentadbir British, disebabkan itu, penglibatan orang Melayu dicatatkan dalam laporan mereka. Penglibatan orang Melayu dalam aktiviti perlombongan ini dapat dilihat dalam laporan-laporan yang dikeluarkan oleh pemerintahan kolonial British. Contohnya laporan yang dikeluarkan oleh Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1911 menunjukkan bahawa terdapat 1,319

orang buruh Melayu yang bekerja di lombong bijih timah di Perak. Data pada tahun 1911 menunjukkan terdapat 102,003 pelombong Cina, 4,362 pelombong India, dan 180 pelombong daripada lain-lain kaum. Daripada jumlah keseluruhan buruh yang direkodkan pada tahun 1911, peratusan pelombong Melayu berjumlah sekitar 1.22 peratus. Jumlah ini walaupun kecil masih merupakan satu jumlah yang signifikan memandangkan populasi penduduk Melayu sememangnya kecil berbanding keluasan tanah yang ada (Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries, 1911: 5). Selain itu, data statistik British ini besar kemungkinan hanya merekodkan penglibatan orang Melayu dalam syarikat-syarikat secara formal dan tidak menggambarkan penglibatan orang Melayu dalam bentuk tradisional secara kecil-kecilan. Daripada laporan tahunan negeri Perak pada tahun 1911, jumlah penduduk Melayu adalah sebanyak 199,034 orang, jika dikira secara peratus, sebanyak 0.006% orang Melayu bekerja sebagai pelombong bijih timah (Perak Administration Report, 1911: 26).

Jadual 1: Pecahan mengikut bangsa perihal buruh yang bekerja dalam industri perlombongan bijih timah di Perak dari tahun 1911 hingga 1918 menurut laporan Jabatan Perlombongan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Tahun	Cina	India	Melayu	Lain-lain	Jumlah Buruh	Peratusan Buruh Melayu
1911	102003	4362	1319	180	107864	1.22
1912	109671	6544	1152	1042	118409	0.97
1913	118722	5825	1528	286	126361	1.21
1914	90418	4892	1274	156	96740	1.32
1915	88619	4599	1501	146	94865	1.58
1916	77077	4069	1250	138	82534	1.51
1917	63811	3460	1124	126	68521	1.64
1918	72015	4752	1728	126	78621	2.20

Sumber: Federated Malay States. Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the Year 1911 – 1918.

Jika dilihat daripada laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan perlombongan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dari tahun 1911 hingga 1918 (rujuk Jadual 1), jumlah buruh Melayu yang bekerja di lombong bijih timah di Perak meningkat dari 1,319 orang kepada 1,728 orang. Peratusan buruh Melayu juga meningkat dari 1.22 peratus kepada 2.2 peratus. Manakala jumlah buruh Cina dan juga jumlah keseluruhan buruh dilihat menurun. Penurunan ini adalah disebabkan daripada beralihnya teknologi perlombongan daripada menggunakan tenaga manusia kepada penggunaan teknologi mekanikal. Sekalipun kita melihat penurunan dari segi jumlah keseluruhan buruh, namun peratusan penglibatan buruh-buruh Melayu terus mencatatkan peningkatan.

Faktor Tiadanya Kajian Terperinci Perihal Pelombong Melayu

Kita telah melihat dalam penulisan sejarah, memang wujud penglibatan orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah. Penglibatan mereka juga boleh dilihat daripada sumber arkib melalui laporan-laporan yang dikeluarkan oleh pentadbiran kolonial, namun penglibatan ini tidak begitu ditonjolkan dalam kajian-kajian sejarah. Walaupun peranan mereka wujud, ia tidak diketengahkan. Antara sebab penglibatan orang Melayu dalam industri perlombongan ini tidak ditekankan adalah kerana terdapat dakwaan yang terkenal bahawa pihak British

mengamalkan dasar pecah dan perintah di mana setiap kaum dipisahkan mengikut pekerjaan yang berbeza.

British dikatakan tidak menggalakkan percampuran kaum. Orang Cina digunakan dalam industri perlombongan bijih timah, orang India digunakan dalam sektor perladangan, manakala orang Melayu dikekalkan di kampung. British dikatakan menetapkan dasar agar orang Melayu kekal sebagai petani yang bekerja sekadar untuk menyara kehidupan sahaja (Mohamed Ali bin Haniffa dan Ayu Nor Azilah binti Mohamad, 2017: 97). Namun sejauh mana kebenaran pendapat ini? Bagaimanakah dikatakan British mengamalkan dasar pecah dan perintah tetapi kita masih melihat penglibatan mereka dalam sektor perlombongan bijih timah?

Kajian ini telah meninjau sejauh mana kebenaran pernyataan ini dengan melihat secara konkrit dalam sumber-sumber sejarah tentang dasar pecah dan perintah British ini. Dalam menjawab persoalan adakah terdapat dasar spesifik British untuk tidak melibatkan orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah di Perak, penelitian telah dibuat dalam kajian-kajian lalu. Didapati tidak terdapat sebarang akta yang diwartakan bagi menyokong dakwaan ini. Dasar pecah dan perintah itu hanya satu perlaksanaan atas keperluan ekonomi tanpa wujudnya sebarang undang-undang khusus bagi menghalang penglibatan satu kaum dalam sektor ekonomi terutamanya perlombongan bijih timah.

Selain itu kajian ini mendapati terdapatnya keperluan untuk mengetengahkan penglibatan dan sumbangan orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah di Perak. Penglibatan orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah didapati wujud dalam pelbagai bentuk. Penglibatan ini termasuklah sebagai tuan tanah, pekerja lombong, pekerja teknikal dan peranan-peranan sampingan lain.⁸ Peranan yang dimainkan oleh buruh-buruh Melayu dalam industri perlombongan bijih timah di Perak perlu dikaji dengan lebih menyeluruh bagi memahami sumbangan mereka yang selama ini tidak ditonjolkan dalam penulisan sejarah. Dengan mengisi kekosongan ini, ia akan membantu kita memahami dengan lebih lengkap sejarah industri perlombongan bijih timah di Perak dari tahun 1874 hingga tahun 1941.

Antara limitasi kajian ini adalah kurangnya penulisan dan bahan yang dihasilkan perihal subjek ini. Tidak ada satu bibliografi khusus untuk menjejaki peranan pelombong Melayu di Perak. Perspektif dominan yang wujud adalah industri perlombongan bijih timah di Perak digerakkan hanya oleh masyarakat Cina dan syarikat Eropah. Oleh itu sumber-sumber sejarah perlu diteroka dan diteliti dengan lebih meluas. Perkara ini memerlukan kajian yang mengambil masa yang lebih panjang. Sumber yang ada yang diteliti dalam tinjauan awal ini terutamanya dalam laporan kerajaan hanya menyentuh peranan orang Melayu secara sekali lalu tanpa huraian yang memuaskan. Tiada kajian dan pemerhatian menyeluruh yang diberikan kepada sumbangan masyarakat Melayu dalam industri ini. Keadaan ini menyebabkan bahan-bahan yang ada dalam topik ini perlu dijejaki dari pelbagai tempat. Oleh itu, ada kemungkinan, terdapat sumber yang sebenarnya wujud tetapi tidak disedari pengkaji dalam tinjauan awal ini. Hal ini memerlukan kajian yang lebih lama dan mendalam.

Kesimpulan

Seperti yang sudah ditinjau dan diterangkan dalam kajian ini. Sumbangan orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah di Perak hampir langsung tidak mendapat perhatian oleh para penulis dan pengkaji sejarah. Seolah-olah mereka tidak pernah wujud dalam sejarah. Namun kajian tinjauan awal ini berjaya membuktikan bahawa masyarakat Melayu sebenarnya merupakan sebahagian daripada penggerak industri perlombongan bijih timah di Perak. Walaupun secara relatif, jumlah mereka jauh lebih sedikit daripada masyarakat Cina, jika kita melihat populasi orang Melayu yang sememangnya sedikit, kita akan mendapat sumbangan mereka sangat signifikan dalam masyarakat.

Sumbangan mereka mungkin tidak signifikan dari segi angka dan bilangan buruh. Namun signifikan pelombong Melayu boleh diterokai daripada perspektif lain. Contohnya penglibatan mereka dalam pekerjaan di lombong yang berbentuk lebih teknikal dan memerlukan kemahiran yang lebih tinggi. Signifikan pelombong Melayu di Perak juga boleh diukur dari sudut keluarga-keluarga Melayu yang terlibat dalam industri perlombongan bijih timah. Sejauh mana mereka melahirkan anak-anak yang lebih berpendidikan dan lebih tinggi taraf sosialnya dalam masyarakat. Tinjauan juga boleh dilakukan terhadap sumbangan pelombong Melayu dalam aktiviti persatuan dan juga aktiviti politik. Dari sini, kita dapat melakukan satu kajian yang lebih bermakna, yang menghargai sumbangan golongan minoriti dan terpinggir dengan melihat kepada perspektif yang lebih luas.

E. H. Carr ketika membahaskan tentang masa depan sejarah menyatakan bahawa sejarah bermula dan berkembang dengan bermulanya kesedaran sejarah. Perkembangan ini akan membuka kajian-kajian di sudut baharu, yang tidak lagi tertakluk kepada sejarah berbentuk negara. Ia akan merangkumi kelas-kelas manusia yang lebih kecil dan spesifik (Carr, 1964: 134-149). Tinjauan awal ini bertujuan untuk meneroka subjek baharu dalam penulisan sejarah dengan memberi penekanan kepada kelas manusia spesifik yang sebelum ini diabaikan dalam penulisan sejarah sesuai dengan apa yang ditulis oleh Carr perihal masa depan sejarah. Hal ini sesuai dengan perkembangan kesedaran sejarah di Malaysia yang mula meneroka aspek-aspek baharu.⁹ Dengan memberi tumpuan dan penekanan kepada kaum Melayu yang terlibat dalam industri perlombongan bijih timah di Perak, kita dapat mengisi kelompongan dalam penulisan sedia ada dan memberi gambaran yang lebih menyeluruh perihal sejarah negara kita.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Dr. Abdul Rahman bin Mad Ali @ Abang dari Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang atas perkongsian beberapa dokumen sumber pertama yang telah banyak membantu penulis untuk menghasilkan dan menerbitkan artikel ini.

Nota

1. Lihat terutamanya tulisan Premilla Mohanlall, *MMC: The First 100 Years, 1911-2011.*, hlm. 25. Peranan yang dimainkan oleh Tan Kim Ching dalam menjemput British masuk campur di Perak telah diterangkan oleh ahli sejarah seperti Azmi Arifin. Menurut Azmi, Tan Kim Ching merupakan ahli kongsi gelap Ghee Hin, beliau memainkan peranan penting dalam menjatuhkan pemimpin tempatan dan menjemput British untuk campur tangan di negeri Melayu. Tan Kim Ching menyokong Raja Abdullah untuk mengambil alih kuasa agar beliau dapat menguasai kekayaan di Larut. Apabila Raja Abdullah menjadi sultan, beliau telah memberi konsesi di Kerian-Larut kepada kapitalis Cina termasuk agen Tan Kim Ching. Lihat Azmi Arifin. 'Perak Disturbances 1871-75: British Colonialism, the Chinese Secret Societies and the Malay Rulers', *Jebat* 39:1 (2012), hlm. 58-63.
2. Campur tangan British bagi menjaga kepentingan pemodal ini telah ditulis oleh beberapa pengkaji, lihat misalnya tulisan Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 'Impak Elektrik Dalam Perkembangan Industri Bijih Timah Di Selangor Dan Perak, 1927-1940', hlm. 18.
3. Untuk memahami masalah-masalah kesihatan di Perak dalam tempoh ini dan langkah-langkah British dalam membendungnya, lihat kajian Nurul'Aisyah Azaman Haris dan Norasmahani Hussain, 'Peranan British dalam menangani Penyakit Tropika di Perak:

- Penumpuan terhadap Penyakit Malaria, Tuberkulosis dan Beri-Beri, 1915-1939', *Malaysia and International History Review* (2023): 23-47.
4. Ucapan Frank E. Mair di Market Exchange, Alma Place, Redruth pada 24 November 1931. Lihat *Tin: miscellaneous correspondence. 1931. MS Records of the British Colonial Office CO 717/79/6*. The National Archives (Kew, United Kingdom).
 5. Kekurangan sumber sebelum 1874 ini diakui oleh pengkaji seperti Wong Lin Ken, rujuk tulisan beliau dalam *The Malayan Tin Industry to 1914 with Special Reference to the States of Perak, Selangor, Negri Sembilan and Pahang.*, hlm. 42.
 6. Terdapat dua dokumen yang dirujuk yang bertajuk *Mines Department Batu Gajah*, dua dokumen ini merekodkan aktiviti dari tahun 1920 hingga tahun 1941. Nombor fail Arkib Negara Malaysia A8-01(JTG) dan A8-02(JTG).
 7. Terdapat perbezaan catatan perihal tahun kematian Long Ja'afar, Andaya merekodkan kematian beliau pada tahun 1858 (Andaya, 2001, 153), namun menurut catatan Jun L. Wray, Long Ja'afar meninggal sekitar tahun 1860, lihat nota kaki dalam *Perak Museum Notes No. III* (1894)., hlm. 8.
 8. Pemilikan tanah oleh orang Melayu untuk aktiviti perlombongan bukan sahaja boleh dilihat daripada permohonan tanah sahaja. Dalam tempoh yang dikaji, iaitu dari tahun 1874-1941, perkara ini turut dapat dilihat daripada sumber lain. Misalnya Premilla Mohanlall (2011: 32) menulis "*Most significant was the passing of the Perak Mining Code of 1895, the first comprehensive piece of legislation to be enforced in the Federated Malay States. ... The new mining land policy favoured Western enterprises, triggering an influx of investments. Chinese and Malay title holders found themselves coerced into selling out to Western companies.*" Daripada petikan ini, dapat dibuktikan bahawa orang Melayu memang memiliki tanah lombong (*title holders*) namun ia kemudian dipaksa untuk dijual kepada syarikat Eropah. Pemilikan lombong oleh orang Melayu turut boleh dilihat daripada penguasaan Datoh Panglima Kinta Muhammad Yusuff (Premilla Mohanlall, 2011: 20), penguasaan Datoh Panglima Kinta turut diakui oleh Sir L. Fermor yang menulis pada 1938-1939 (CO717/132/9).
 9. Untuk memahami perkembangan kesedaran sejarah di Malaysia, lihat Syed Ahmad Fathi, *Homo Historikus: Perkembangan Kesedaran Sejarah di Malaysia* (Petaling Jaya: Penerbitan Cakna, 2024).

Rujukan

- Andaya , Barbara Watson , and Leonard Y. Andaya. 2001. *A History of Malaysia*. Palgrave.
- Azmi Arifin. 2012. "Perak Disturbances 1871-75: British Colonialism, The Chinese Secret Societies And The Malay Rulers." *Jebat 39, no. 1* 51.
- Brown, Ian. 1997. *Economic Change in South-East Asia, c. 1830-1980*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Buyong Adil. 2021. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carr, E.H. 1964. *What is History*. Penguin Books.
- CO 717/53/10. Tin dredgers for the Federated Malay States. 1926. MS Records of the British Colonial Office, State Papers Online Colonial, link.gale.com/apps/doc/ATTHVH415534415/SPOC?u=myusm&sid=bookmark-SPOC&xid=54d2f941. Kew, United Kingdom: The National Archives.
- CO 717/79/6. Tin: miscellaneous correspondence. 1931. MS Records of the British Colonial Office, State Papers Online Colonial, link.gale.com/apps/doc/LPTYBC139045938/SPOC?u=myusm&sid=bookmark-SPOC&pg=106. Kew, United Kingdom: The National Archives.
- CO717/132/9. Mines Department: report by Sir L. Fermor. 1938-1939. MS Records of the British Colonial Office, State Papers Online

- Colonial, link.gale.com/apps/doc/CWEKCY526744928/SPOC?u=myusm&sid=bookmark-SPOC&xid=afc47ab0. Kew, United Kingdom: The National Archives.
- Davies, G. M. 1919. *Tin Ores (Monographs on Mineral Resources with Special Reference to the British Empire)*. London: John Murray.
- Federated Malay States, Perak Administration Report (1890-1939). Fail Bilik Arkib PPIK USM.
- Federated Malay States, Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries (1911-1918).
- Francis Loh Kok Wah. 1988. *Beyond the Tin Mines: Coolies, Squatters and New Villagers in the Kinta Valley, Malaysia, c. 1880-1980*. Singapore: Oxford University Press.
- Geological Department (F.M.S) Ipoh Perak 1920-1930. Nombor fail di Arkib Negara Malaysia A4-02(JKB).
- Hajah Yatimah binti Rimun. 2020. *Cheritera Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Kannan, Nadaraja. 2002. *Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1933: Kesan Sosioekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Sains Malaysia.
- Khairul Anuar Mohd Rosli, dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2018. "Impak Elektrik Dalam Perkembangan Industri Bijih Timah Di Selangor Dan Perak, 1927-1940." *SEJARAH: Journal of the Department of History* 27:2 17-30.
- Kinta Land Office (1912). Nombor Fail Arkib Negara Malaysia: A26-09(PT).
- Lat. 2014. *The Kampung Boy*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- McNair, Major Fred. 1878. *Perak and the Malays: "Sarong" and "Kris"*. London: Tinsley Brothers.
- Mines Department Batu Gajah (1920-1941). Nombor Fail Arkib Negara Malaysia: A8-01(JTG), A8-02(JTG).
- Mohamed Ali bin Haniffa, dan Ayu Nor Azilah binti Mohamad. 2017. "Impak Penjajahan British Dan Jepun Terhadap Hubungan Melayu-Cina Di Tanah Melayu." *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4:2 94-106.
- Mohanlall, Premilla. 2011. *MMC: The First 100 Years, 1911-2011*. Kuala Lumpur: MMC Corporation Berhad.
- Muhammad Hafiz Isa, dan Mohd Samsudin. 2020. "Perkembangan Sistem Telegraf di Perak, 1876-1900 (The Development of Telegraph System in Perak, 1876-1900)." *Malaysia and International History Review* 2:2 15-34.
- Nim Chee Siew. 1953. *Labour and Tin Mining in Malaya*. Cornell University.
- Nor Hisham bin Zulkiflee. 2017. *Bandar dan Pekan Perlombongan Bijih Timah di Perak 1874-1940*. Tesis Sarjana Sastera Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurul'Aisyah Azaman Haris, dan Norasmahani Hussain. 2023. "Peranan British dalam menangani Penyakit Tropika di Perak: Penumpuan terhadap Penyakit Malaria, Tuberkulosis dan Beri-Beri, 1915-1939." *Malaysia and International History Review* 23-47.
- Rashid Maidin. 2004. *Memoirs: From Armed Struggle to Peace*. Socialist Stories.
- Saiful Akram Bin Che Cob @ Ab Ghafar, dan Mohammad Rusdi Bin Mohd Nasir. 2015. "Pendudukan Jepun (Dai Nippon) Di Malaya, 1942-1945; Manifestasi Visual Propaganda." *National Research Seminar*.
- Senarai Penjelasan Pejabat Tanah dan Galian Ipoh File No. 3/1-2-41/17-18. 1935-1938, 1949, 1951, 1953, 1957-1965. Nombor fail di Arkib Negara Malaysia A26-38(PT).
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2023. "Perubahan persekitaran dan kesannya terhadap kesihatan penduduk: Satu tinjauan dari perspektif sejarah di Perak (1874-1941)." *Geografia* 19:4 150-162.

- Stokes, Ralph. 1906. *Malay Tin-Fields: Mining Position Broadly Reviewed*. Singapore: Straits Times Press Ltd.
- Syed Ahmad Fathi. 2024. *Homo Historikus: Perkembangan Kesedaran Sejarah di Malaysia*. Petaling Jaya: Cakna.
- Wong Lin Ken. 1959. *The Malayan Tin Industry to 1914 with Special Reference to the States of Perak, Selangor, Negri Sembilan and Pahang*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah University of London.
- Wray, Jun L. 1894. "The Tin Mines and The Mining Industries of Perak and Other Papers." *Perak Museum Notes No. III*.
- . 1894. "Some Account of the Tin Mines and The Mining Industries of Perak." *Perak Museum Notes Vol. II Part I*.
- . 1898. "Some Account of the Tin Mines and The Mining Industries of Perak." *Perak Museum Notes Vol. II Part II*.

